

**Mahathir
akan undur
jika sedar
dirinya
tak popular**

UMUJALA 30 SEP 1982

Sept. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad akan berundur diri dari memimpin UMNO apabila menyedari dirinya tidak popular.

Katanya, "saya minta biarlah saya sedar saya tidak popular dan saya akan mengundur diri."

Ketika menggulung perbincangan dalam perhimpunan agung hari ini, beliau menjelaskan, "nasib pemimpin, ada kalanya popular dan ada kalanya tidak popular" dan beliau meminta wakil-wakil rakyat, supaya bersedia undur diri sekiranya ada tanda tidak popular dan tua.

Presiden UMNO itu berkata, beliau tidak mengancam kerana tua "kerana saya juga meru-

pakan Perdana Menteri yang tua iaitu semasa saya menjadi Perdana Menteri, umur saya 56 tahun dan Tunku Abdul Rahman berumur 54 tahun.

"Jadi kalau saya kecam kerana tua, bermakna saya kecam diri saya sendiri" dan sambil tersenyum beliau menambah "itu tidaklah patut".

Mengenal pemotongan gaji, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, beliau merelakan gajinya dipotong sebanyak \$1,000 secara ikhlas tetapi masih ada orang yang mentertawakan.

"Kita potong gaji, orang nak ketawa, tak apalah tetapi ada yang naikkan sampai \$30,000, mereka kata bagus" dan untuk itu beliau menasihatkan ahli-ahli UMNO supaya jangan merasa begitu rendah diri.

Katanya, "leadership by example" adalah satu perkara yang baik tetapi sekiranya ada tauladan, baru hendak diikuti akan membawa masalah.